

30/01/2000

Fitnah di masjid gugat kestabilan

Johnny Giles Senin

KUALA LUMPUR: Tindakan menggunakan masjid untuk menyebarkan fitnah yang semakin menjadi-jadi sekarang boleh menggugat kestabilan negara dan perlu dihentikan segera, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Beliau berkata, ini kerana jemaah yang datang bersembahyang menganggap tempat itu berkecuali walaupun mereka mungkin mempunyai pegangan politik yang berbeza.

Katanya, orang yang datang untuk bersembahyang di masjid bukan hanya dari satu golongan saja, sebaliknya daripada pelbagai kaum serta lapisan masyarakat dan tidak terdiri daripada satu parti saja.

"Tapi kita dapat laporan ada khatib di masjid yang tidak suka kita (kerajaan) atau Perdana Menteri, mengguna pendekatan sebarkan fitnah dalam khutbah. Mereka memerangkap para jemaah yang terpaksa duduk diam dan tak boleh bercakap ketika khutbah sembahyang Jumaat," katanya dalam sidang akhbar selepas menghadiri sambutan Aidilfitri Jabatan Perdana Menteri (JPM) di sini, semalam.

Abdullah berkata perbuatan seperti itu tidak bertanggungjawab, sebaliknya kumpulan berkenaan perlu menggunakan forum lain dan masa sesuai untuk mengetengahkan fahaman politik mereka, kalau pun tidak bersefahaman dengan kerajaan.

Katanya, kalau ada perbalahan atau pertentangan politik pun, ini bukanlah cara baik atau pendekatan yang bagus untuk digunakan.

"Saya diberitahu oleh seorang kawan bahawa di sebuah masjid semalam, ada khatib apabila baca khutbah, berkata "kuda pun tak suka Perdana Menteri". Ini setelah mereka mengetahui keadaan sebenarnya, dah keluar berita dah.

"Sedangkan ia tidak berlaku, Perdana Menteri tidak jatuh dari kuda atau ditendang kuda, tidak ada apa-apa. Beliau (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) selamat dan elok, tetapi ada juga cakap-cakap yang sedemikian masih disebarkan," katanya.

Abdullah berkata golongan ini masih tidak percaya walaupun Dr Mahathir sendiri menafikan khabar angin itu ketika beliau tiba di London pada Khamis selepas bercuti dua minggu di Argentina dan Kepulauan Caribbean.

"Penyebaran fitnah melalui masjid memang banyak berlaku sebelum ini, tetapi ia semakin menjadi-jadi sekarang dan kita berharap rakyat akan berwaspada dan memeriksa terlebih dahulu sebelum percaya terhadap sesuatu berita itu, terutamanya yang berkaitan dengan keburukan seseorang.

"Mereka akan lakukan apa saja asalkan niat dan tujuan mereka tercapai, walaupun pilihan raya sudah selesai dan rakyat sudah membuat keputusan.

"Tetapi saya yakin akhirnya kebenaran akan tetap mengatasi yang tidak benar," katanya.

Beliau berkata pihak yang tidak berpuas hati dengan kerajaan boleh menyuarkan pandangan masing-masing menerusi wakil mereka di Dewan Undangan Negeri atau Parlimen dan bukannya menerusi pihak tertentu di masjid.

"Masjid bukan tempat untuk menyebarkan fitnah sebaliknya mengikut tujuan asalnya ialah sebagai tempat berjemaah," katanya.

(END)